

NO. SOALAN : 24

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN :

Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan data terkini berkenaan dengan hutan simpan kekal dan nyatakan bilakah kali terakhir semakan terkini dibuat bagi memastikan keluasan hutan simpan kekal ini tidak berkurangan akibat pencerobohan pihak yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dipantau dan dikemas kini secara berkala bagi setiap suku tahun. Sehingga 31 Disember 2014, keluasan HSK di Malaysia adalah seluas 12,793,037 hektar. Berikut adalah pecahannya mengikut Wilayah:

Wilayah	Keluasan HSK (hektar)
Semenanjung	4,846,623
Sabah	3,609,250
Sarawak	4,337,164
Jumlah Keseluruhan	12,793,037

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Sekian, terima kasih.